Jurnal Pendidikan Malaysia 51(2) (2026): 33-44
DOI: http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2026-51.02-03

Penghayatan Kurikulum Integriti dan Antirasuah dalam Pembentukan Sahsiah Berkualiti: Kajian Korelasi dalam Kalangan Pelajar TVET

(Internalization of the Integrity and Anti-Corruption Curriculum in the Development of Quality Character: A Correlational Study among TVET Students)

SHARIFAH NUR ABU* & KAMARUL ARIFIN MOHAMAD AZHAR

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai tahap pemahaman terhadap Kurikulum Integriti dan Antirasuah, penghayatan nilai integriti serta pembentukan sahsiah berkualiti dalam kalangan pelajar TVET. Seramai 121 orang responden terlibat dalam kajian ini dan data dikumpulkan menggunakan soal selidik sebelum dianalisis melalui statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan menunjukkan tahap pemahaman (min = 4.57, SP = 0.703), penghayatan (min = 4.66, SP = 0.493) dan sahsiah (min = 4.61, SP = 0.547) berada pada tahap sangat tinggi. Analisis korelasi menunjukkan hubungan positif dan signifikan antara pemahaman dengan penghayatan (r = 0.634), pemahaman dengan sahsiah (r = 0.687) serta penghayatan dengan sahsiah (r = 0.871) pada aras p < 0.01. Analisis regresi linear berganda mendapati pemahaman dan penghayatan nilai integriti merupakan peramal signifikan terhadap pembentukan sahsiah pelajar, dengan model kajian menjelaskan sebanyak 78.8% varians pembentukan sahsiah. Penghayatan nilai integriti dikenal pasti sebagai faktor yang lebih dominan berbanding pemahaman. Dapatan ini menunjukkan bahawa penguasaan pengetahuan perlu disokong dengan penghayatan nilai bagi membentuk pelajar TVET yang berintegriti, beretika dan mempunyai sahsiah berkualiti.Justeru, pendekatan pengajaran yang seimbang antara aspek pengetahuan dan nilai perlu diberi perhatian agar pelajar dapat membina jati diri yang berintegriti dan beretika.

Kata Kunci: Integriti; Antirasuah; Penghayatan Nilai; Sahsiah Pelajar; TVET

ABSTRACT

This study aims to assess the level of understanding of the Integrity and Anti-Corruption Curriculum, the internalisation of integrity values, and the development of quality character among TVET students. A total of 121 respondents participated in this study, and data were collected through a questionnaire and analysed using descriptive and inferential statistics. The findings indicate that the levels of understanding (mean = 4.57, SD = 0.703), internalisation (mean = 4.66, SD = 0.493), and character development (mean = 4.61, SD = 0.547) were at a high level. Correlation analysis revealed significant positive relationships between understanding and internalisation (r = 0.634), understanding and character development (r = 0.687), and internalisation and character development (r = 0.871) at the significance level of p < 0.01. Multiple linear regression analysis showed that understanding of the Integrity and Anti-Corruption Curriculum and the internalisation of integrity values were significant predictors of students' character development, explaining 78.8% of the variance in character formation. Internalisation of integrity values was identified as a more dominant factor compared to understanding. These findings indicate that knowledge acquisition should be reinforced through value internalisation to develop TVET students who are ethical, integrity-driven, and possess quality character. Therefore, a balanced teaching approach that integrates cognitive knowledge and affective values should be emphasised to foster students' integrity and ethical identity.

Keywords: Integrity; Anti-Corruption; Value Internalization; Student Character; TVET

PENGENALAN

Integriti merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan modal insan yang berkualiti kerana berkait rapat dengan keupayaan individu membuat pertimbangan moral, melaksanakan tanggungjawab secara beretika dan menunjukkan konsistensi antara nilai yang diyakini dengan tindakan yang dilakukan. Dalam konteks pendidikan tinggi, fungsi institusi bukan lagi terhad kepada penyampaian ilmu dan pembangunan kompetensi profesional, tetapi turut melibatkan pembentukan karakter, nilai moral dan tanggungjawab sosial graduan. Hal ini menjadi semakin signifikan apabila isu seperti rasuah, ketidakjujuran akademik, penyalahgunaan kuasa dan pelanggaran etika profesional terus menjadi cabaran dalam pelbagai sektor pekerjaan (OECD, 2021; UNESCO, 2021). Oleh itu, pendidikan integriti dilihat sebagai mekanisme penting bagi memastikan graduan bukan sahaja memiliki kebolehan teknikal, tetapi juga mempunyai prinsip moral yang kukuh dalam membuat keputusan dan menjalankan amanah profesional.

Dalam konteks Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pembangunan integriti dan sahsiah profesional mempunyai kepentingan yang lebih besar kerana graduan TVET merupakan tenaga kerja yang terlibat secara langsung dengan operasi industri, pengurusan teknologi dan proses kerja yang memerlukan tahap akauntabiliti tinggi. Kecekapan teknikal semata-mata tidak mencukupi sekiranya tidak disertai dengan nilai seperti amanah, tanggungjawab, disiplin dan pematuhan terhadap etika pekerjaan. Kajian berkaitan pendidikan TVET menunjukkan bahawa pembangunan nilai moral dan etika masih menjadi cabaran kerana pendekatan pendidikan sering lebih memberikan penekanan kepada kemahiran teknikal berbanding aspek pembentukan karakter dan nilai profesional (Hassan et al., 2022). Oleh itu, integrasi pendidikan nilai dalam kurikulum TVET diperlukan bagi melahirkan graduan yang seimbang dari aspek kemahiran, keperibadian dan kesediaan profesional.

Selaras dengan keperluan tersebut, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) sebagai salah satu inisiatif memperkukuh pendidikan integriti di institusi pengajian tinggi. Pelaksanaan KIAR bertujuan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap isu integriti dan rasuah serta membentuk kesedaran terhadap kepentingan nilai etika dalam kehidupan akademik dan profesional (Mohd Fariz et al., 2026). Kajian berkaitan pelaksanaan KIAR menunjukkan bahawa kursus integriti dalam pendidikan tinggi memainkan peranan penting dalam menyediakan ruang pembelajaran yang membolehkan pelajar memahami konsep integriti, mengenal pasti isu berkaitan rasuah serta membina kesedaran terhadap tanggungjawab moral sebagai bakal profesional. Walau bagaimanapun, keberkesanan pendidikan integriti tidak boleh dinilai berdasarkan peningkatan pengetahuan semata-mata kerana pemahaman terhadap sesuatu nilai tidak semestinya membawa kepada penghayatan dan perubahan tingkah laku.

Dari perspektif pendidikan moral, pembentukan sahsiah merupakan proses kompleks yang melibatkan hubungan antara aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Aspek kognitif merujuk kepada pemahaman individu terhadap sesuatu nilai, manakala aspek afektif melibatkan penerimaan, penghargaan dan komitmen terhadap nilai tersebut. Kedua-dua aspek ini seterusnya mempengaruhi kecenderungan seseorang untuk mempamerkan tingkah laku yang selaras dengan prinsip moral yang diyakini (Rest, 1986; Lickona, 1991; Narvaez, 2021). Justeru, sahsiah tidak boleh dianggap sebagai elemen kognitif semata-mata, sebaliknya merupakan hasil proses dalamanisasi nilai yang diterjemahkan melalui sikap dan tindakan yang konsisten dalam kehidupan seharian.

Kajian ini menggunakan *Social Learning Theory* (Bandura, 1977) sebagai salah satu asas teori untuk menjelaskan bagaimana nilai integriti dipelajari dan dibentuk melalui pengalaman sosial. Menurut teori ini, individu memperoleh tingkah laku melalui proses pemerhatian, peniruan dan interaksi dengan persekitaran. Dalam konteks pendidikan integriti, pelajar bukan sahaja mempelajari konsep integriti melalui kandungan kursus, tetapi turut membentuk pemahaman dan sikap melalui interaksi bersama pensyarah, rakan sebaya serta budaya institusi. Persekitaran pembelajaran yang menyokong nilai integriti berpotensi membentuk proses penghayatan nilai sehingga menjadi sebahagian daripada karakter individu.

Selain itu, kajian ini turut disokong oleh *Theory of Planned Behavior* (TPB) yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991). Teori ini menjelaskan bahawa tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan terhadap sesuatu tindakan. Dalam konteks integriti, pemahaman pelajar terhadap nilai integriti membentuk asas kognitif yang mempengaruhi sikap mereka terhadap amalan beretika, manakala penghayatan nilai tersebut berperanan membina kecenderungan untuk bertindak secara berintegriti. Oleh itu, hubungan antara pemahaman, penghayatan dan tingkah laku merupakan elemen penting dalam memahami proses pembentukan sahsiah pelajar.

Walaupun pendidikan integriti semakin diberi perhatian dalam institusi pengajian tinggi, beberapa kajian menunjukkan bahawa terdapat jurang antara tahap pengetahuan integriti dengan keupayaan individu mengaplikasikan nilai tersebut dalam situasi sebenar. Pendidikan antirasuah yang hanya berorientasikan penyampaian maklumat berisiko menghasilkan pelajar yang memahami konsep integriti tetapi kurang

menginternalisasikan nilai tersebut dalam tingkah laku harian (OECD, 2021; UNESCO, 2021). Oleh itu, pendekatan pendidikan integriti perlu memberi penekanan kepada proses penghayatan nilai melalui pengalaman pembelajaran yang membentuk sikap dan karakter.

Dalam konteks TVET khususnya, kajian yang menghubungkan pemahaman terhadap pendidikan integriti, penghayatan nilai antirasuah dan pembentukan sahsiah pelajar masih terhad. Kajian terdahulu lebih banyak memberi tumpuan kepada tahap pengetahuan, persepsi atau kesedaran pelajar terhadap integriti, sedangkan aspek bagaimana pendidikan integriti diterjemahkan kepada pembentukan sahsiah dan tingkah laku beretika masih kurang diterokai (Hassan et al., 2022). Kekurangan bukti empirikal ini menunjukkan keperluan untuk memahami mekanisme pembentukan sahsiah melalui pendidikan integriti, khususnya dalam kalangan pelajar TVET yang bakal memasuki sektor pekerjaan profesional.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap Kursus Integriti dan Antirasuah, menilai tahap penghayatan nilai integriti serta menganalisis hubungan antara pemahaman, penghayatan dan pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar TVET. Kajian ini menggunakan gabungan Social Learning Theory dan Theory of Planned Behavior sebagai asas konseptual bagi menjelaskan bagaimana proses pembelajaran, pembentukan sikap dan penghayatan nilai menyumbang kepada pembentukan sahsiah berintegriti.

SOROTAN LITERATUR

I. PENDIDIKAN INTEGRITI DAN ANTIRASUAH DALAM PENDIDIKAN TINGGI

Pendidikan integriti merupakan salah satu pendekatan penting dalam pembangunan modal insan kerana berperanan membentuk individu yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan dan kemahiran profesional, tetapi juga mampu membuat pertimbangan moral serta bertindak berdasarkan nilai etika. Dalam konteks pendidikan tinggi, institusi pengajian tinggi mempunyai tanggungjawab untuk menghasilkan graduan yang seimbang dari aspek kompetensi profesional dan karakter moral kerana graduan akan berhadapan dengan pelbagai situasi pekerjaan yang memerlukan kejujuran, akauntabiliti dan tanggungjawab sosial.

Kajian berkaitan pendidikan antirasuah menunjukkan bahawa pendidikan nilai mempunyai peranan penting dalam membangunkan budaya integriti dalam kalangan pelajar. Dewantara et al. (2021) menjelaskan bahawa pendidikan antirasuah bukan hanya bertujuan meningkatkan pengetahuan pelajar berkaitan konsep rasuah, tetapi turut berperanan membentuk karakter seperti kejujuran, tanggungjawab, disiplin dan kesedaran terhadap kepentingan mematuhi nilai moral. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa pendidikan antirasuah perlu dilihat sebagai proses pembentukan karakter, bukan sekadar penyampaian maklumat berkaitan kesalahan rasuah.

Selaras dengan itu, Zulaiha et al. (2025) melalui kajian melibatkan pelbagai institusi pendidikan mendapati bahawa pendidikan karakter antirasuah mempunyai hubungan dengan peningkatan nilai integriti dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut menunjukkan bahawa elemen seperti kejujuran, tanggungjawab dan kemandirian merupakan aspek penting yang perlu dibangunkan melalui pendekatan pendidikan formal. Hal ini membuktikan bahawa keberkesanan pendidikan integriti bergantung kepada keupayaannya menghubungkan aspek pengetahuan dengan pembentukan nilai dalaman pelajar.

Dalam konteks pendidikan tinggi Malaysia, pelaksanaan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) merupakan salah satu usaha strategik bagi memperkukuhkan pendidikan nilai dalam kalangan mahasiswa. Kajian oleh Mohd Fariz et al. (2026) menunjukkan bahawa pelaksanaan KIAR membantu meningkatkan pemahaman pelajar terhadap konsep integriti dan isu berkaitan antirasuah. Namun demikian, kajian tersebut turut menunjukkan bahawa keberkesanan pendidikan integriti perlu dinilai secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira aspek perubahan sikap, penghayatan nilai dan amalan tingkah laku.

Oleh itu, pendidikan integriti tidak boleh dinilai hanya berdasarkan peningkatan tahap pengetahuan pelajar. Sebaliknya, keberkesanan pendidikan integriti perlu dilihat melalui proses bagaimana pemahaman terhadap nilai berkembang menjadi penghayatan dan seterusnya diterjemahkan melalui tingkah laku yang mencerminkan sahsiah berintegriti.

II. PEMAHAMAN NILAI, PENGHAYATAN DAN PEMBENTUKAN SAHSIAH

Pembentukan sahsiah merupakan proses pembangunan karakter yang melibatkan perubahan daripada tahap mengetahui sesuatu nilai kepada menerima, menghayati dan mengamalkannya secara konsisten. Dalam bidang pendidikan moral, perkembangan karakter melibatkan interaksi antara tiga dimensi utama iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Dimensi kognitif merujuk kepada pemahaman seseorang terhadap sesuatu nilai, dimensi afektif melibatkan penerimaan serta penghargaan terhadap nilai tersebut, manakala dimensi tingkah laku merujuk kepada keupayaan individu menerapkan nilai tersebut dalam tindakan sebenar (Rest, 1986; Lickona, 1991).

Kajian berkaitan pendidikan karakter dalam pendidikan tinggi menunjukkan bahawa pembangunan sahsiah pelajar

memerlukan pendekatan yang melangkaui penyampaian ilmu. Nazriani et al. (2025) melalui kajian sistematik berkaitan pendidikan karakter di universiti mendapati bahawa pembangunan moral pelajar dipengaruhi oleh pengalaman pembelajaran, pendidikan nilai dan peluang untuk membuat refleksi terhadap isu etika. Dapatan ini menunjukkan bahawa proses pembentukan karakter memerlukan penglibatan aktif pelajar dalam memahami dan menginternalisasikan nilai moral. Dalam konteks integriti, pemahaman nilai merupakan asas kepada pembentukan kesedaran moral. Namun, pemahaman semata-mata tidak menjamin seseorang individu akan bertindak secara beretika. Hal ini kerana seseorang pelajar mungkin mengetahui bahawa sesuatu tindakan adalah salah dari sudut moral, tetapi masih gagal mengamalkannya sekiranya nilai tersebut belum menjadi sebahagian daripada kepercayaan dan prinsip peribadi mereka.

Bacotang (2025) menjelaskan bahawa nilai antirasuah perlu diintegrasikan dalam pendidikan kerana pembentukan integriti memerlukan proses dalamanisasi nilai yang membolehkan pelajar bukan sahaja memahami konsep integriti, tetapi menjadikannya sebagai prinsip dalam membuat keputusan. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pendidikan berasaskan nilai mempunyai potensi dalam membina integriti akademik dan karakter moral pelajar.

Berdasarkan perspektif tersebut, kajian ini melihat pemahaman nilai integriti sebagai elemen kognitif yang menjadi asas kepada proses penghayatan nilai (afektif). Penghayatan nilai pula berperanan sebagai mekanisme yang menghubungkan pengetahuan dengan tingkah laku, sehingga menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar.

III. PERANAN TEORI DALAM MENJELASKAN PEMBENTUKAN SAHSIAH

Kajian ini menggunakan *Social Learning Theory* (Bandura, 1977) dan *Theory of Planned Behavior* (Ajzen, 1991) bagi menjelaskan proses bagaimana pendidikan integriti mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar.

Menurut *Social Learning Theory*, individu mempelajari tingkah laku melalui pemerhatian, peniruan dan interaksi dengan persekitaran sosial. Dalam konteks pendidikan integriti, pelajar bukan sahaja mempelajari nilai melalui kandungan kursus, tetapi turut membentuk sikap melalui pemerhatian terhadap tingkah laku pensyarah, rakan sebaya dan budaya institusi. Persekitaran pembelajaran yang mempraktikkan nilai integriti boleh menjadi model sosial yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku beretika.

Sementara itu, *Theory of Planned Behavior* menjelaskan bahawa tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Dalam konteks kajian ini, pemahaman terhadap konsep integriti membentuk asas kognitif yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap nilai tersebut. Seterusnya, penghayatan nilai integriti membina komitmen dalaman yang mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk bertindak secara beretika.

Gabungan kedua-dua teori ini menjelaskan bahawa pembentukan sahsiah tidak berlaku secara langsung melalui pendidikan integriti, tetapi melalui proses berperingkat iaitu pembelajaran nilai, pembentukan sikap, penghayatan dan akhirnya amalan tingkah laku.

IV. INTEGRITI DAN PEMBENTUKAN SAHSIAH DALAM KONTEKS TVET

Dalam pendidikan TVET, pembangunan graduan tidak boleh hanya berfokus kepada penguasaan kemahiran teknikal kerana keperluan industri masa kini turut menuntut pekerja yang mempunyai nilai profesional dan etika kerja yang tinggi. Graduan TVET perlu memiliki ciri seperti amanah, disiplin, tanggungjawab dan keupayaan membuat keputusan beretika dalam situasi pekerjaan sebenar.

Billett (2021) menjelaskan bahawa pendidikan vokasional bukan hanya berkaitan pembangunan kemahiran pekerjaan, tetapi turut melibatkan pembentukan identiti profesional melalui pengalaman pembelajaran yang berkaitan dengan amalan pekerjaan sebenar. Oleh itu, pembangunan karakter profesional merupakan elemen penting dalam memastikan graduan TVET mampu memenuhi tuntutan industri secara beretika.

Walaupun aspek kompetensi teknikal sering menjadi fokus utama dalam pendidikan TVET, elemen nilai dan karakter masih perlu diberikan perhatian. Pendidikan integriti melalui KIAR berpotensi menjadi medium untuk memperkukuhkan pembangunan sahsiah pelajar TVET kerana kursus tersebut menyediakan ruang untuk pelajar memahami isu moral, membuat pertimbangan etika dan menghubungkan nilai integriti dengan kehidupan profesional.

V. JURANG KAJIAN

Berdasarkan sorotan literatur, terdapat beberapa jurang yang masih belum diterokai secara mendalam. Pertama, kajian terdahulu berkaitan pendidikan integriti dan antirasuah lebih banyak memberi fokus kepada peningkatan pengetahuan, kesedaran atau penerimaan pelajar terhadap nilai integriti. Walaupun aspek kognitif penting sebagai asas pemahaman, ia belum dapat menjelaskan sepenuhnya bagaimana nilai tersebut diterjemahkan kepada tingkah laku dan pembentukan sahsiah.

Kedua, hubungan antara elemen kognitif (pemahaman nilai), afektif (penghayatan nilai) dan tingkah laku dalam proses pembentukan sahsiah masih kurang diberikan perhatian khusus, terutamanya dalam konteks pelajar TVET.

Ketiga, kajian berkaitan keberkesanan KIAR dalam membentuk sahsiah pelajar TVET masih terhad. Kebanyakan kajian hanya menilai aspek penerimaan atau pemahaman terhadap kursus, sedangkan aspek bagaimana kursus tersebut mempengaruhi penghayatan nilai dan pembentukan karakter masih belum banyak dikaji.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti hubungan antara pemahaman, penghayatan dan pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar TVET selepas mengikuti Kursus Integriti dan Antirasuah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan berbentuk korelasi (correlational survey design) bagi mengenal pasti tahap pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR), di samping meneliti hubungan serta pengaruh kedua-dua konstruk tersebut terhadap pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Reka bentuk ini dipilih kerana bersesuaian untuk menghuraikan tahap pemboleh ubah yang dikaji serta menentukan hubungan dan sumbangan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar secara empirikal (Creswell, 2023).

Kajian ini melibatkan 121 orang pelajar Politeknik Merlimau Melaka yang telah mengikuti Kursus Integriti dan Antirasuah. Responden terdiri daripada pelbagai program pengajian teknikal dan vokasional, merangkumi latar belakang agama dan tempat tinggal yang berbeza bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh terhadap populasi pelajar TVET.

Instrumen kajian berbentuk soal selidik telah dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan sorotan literatur serta kerangka teori yang mendasari kajian, iaitu *Social Learning Theory* (Bandura, 1977) dan *Theory of Planned Behavior* (Ajzen, 1991). Pembinaan item turut mengambil kira kajian-kajian terdahulu berkaitan pendidikan integriti, pendidikan antirasuah dan pembentukan sahsiah bagi memastikan kesesuaian setiap konstruk yang diukur. Instrumen mengandungi empat bahagian, iaitu Bahagian A (demografi responden), Bahagian B (pemahaman terhadap Kursus Integriti dan Antirasuah) yang mengandungi 10 item, Bahagian C (penghayatan nilai integriti) yang mengandungi 5 item, dan Bahagian D (pembentukan sahsiah pelajar) yang mengandungi 5 item. Kesemua item diukur menggunakan Skala Likert lima mata, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju.

Bagi memastikan kesahan kandungan (*content validity*), instrumen telah disemak oleh tiga orang pensyarah yang berpengalaman mengendalikan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR). Semakan tersebut bertujuan memastikan setiap item adalah jelas, sesuai dengan konstruk yang diukur serta selaras dengan hasil pembelajaran kursus. Penambahbaikan terhadap item telah dibuat berdasarkan maklum balas yang diterima sebelum instrumen digunakan dalam kajian sebenar.

Seterusnya, kajian rintis telah dijalankan melibatkan 30 orang pelajar yang mempunyai ciri-ciri hampir sama dengan sampel kajian sebenar bagi menilai kebolehpercayaan instrumen. Nilai Cronbach's Alpha bagi konstruk pemahaman, penghayatan dan pembentukan sahsiah masing-masing ialah 0.77, 0.88 dan 0.93. Kesemua nilai melebihi 0.70, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Hair et al., 2022; Taber, 2018).

Data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29.0. Analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menghuraikan profil responden serta menentukan tahap pemahaman, penghayatan dan pembentukan sahsiah pelajar. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat 1.00–1.80 (Sangat Rendah), 1.81–2.60 (Rendah), 2.61–3.40 (Sederhana), 3.41–4.20 (Tinggi) dan 4.21–5.00 (Sangat Tinggi) (Pallant, 2020).

Bagi analisis inferensi, Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan dan arah hubungan antara pemahaman, penghayatan dan pembentukan sahsiah. Kekuatan hubungan ditafsir berdasarkan Cohen (1988), iaitu 0.00–0.19 (sangat lemah), 0.20–0.39 (lemah), 0.40–0.59 (sederhana), 0.60–0.79 (kuat) dan 0.80–1.00 (sangat kuat). Seterusnya, analisis regresi linear berganda digunakan bagi mengenal pasti pengaruh pemahaman dan penghayatan terhadap pembentukan sahsiah pelajar TVET. Model regresi dinilai berdasarkan nilai R^2, pekali regresi piawai (β), nilai *t*, nilai *F* dan aras signifikan ($p < .05$). (Hair et al., 2022).

KEPUTUSAN

LATARBELAKANG RESPONDEN

JADUAL 1: Taburan Program Pengajian, Agama dan Tempat Tinggal Responden

		Kekerapan	Peratus
Program	DGU2B	28	23.1
	DPR2C	24	19.8

bersambung ...

sambungan ...

	DTP2B	11	9.1
	DEM2B	13	10.7
	DHM1A	18	14.9
	DPM2B	27	22.3
Agama	Islam	112	92.6
	Hindu	6	5.0
	Buddha	2	1.7
	Kristian	1	0.8
Tempat Tinggal	Bandar	75	62
	Luar Bandar	46	38
	Jumlah	121	100

Jadual 1 menunjukkan taburan demografi responden yang terlibat dalam kajian. Daripada keseluruhan 121 orang responden, Pelajar Program Diploma Geomatik (DGU2B) merupakan kumpulan terbesar iaitu seramai 28 orang (23.1%), diikuti Diploma Pengajian Perniagaan (DPM2B) seramai 27 orang (22.3%), manakala Diploma Teknologi Pembinaan (DTP2B) mencatatkan bilangan paling rendah iaitu 11 orang (9.1%). Dari aspek agama, majoriti responden beragama Islam iaitu 112 orang (92.6%), diikuti Hindu (5.0%), Buddha (1.7%) dan Kristian 0.8%. Bagi lokasi tempat tinggal, seramai 75 orang (62.0%) berasal dari kawasan bandar manakala 46 orang (38.0%) berasal dari luar bandar. Dapatan ini menunjukkan responden kajian terdiri daripada pelbagai program pengajian dan latar belakang yang dapat memberikan gambaran umum terhadap populasi pelajar TVET yang dikaji.

TAHAP PEMAHAMAN TERHADAP KURIKULUM INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

JADUAL 2: Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Pemahaman

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Saya tahu memberi hadiah dengan niat untuk mendapatkan keistimewaan termasuk dalam definisi rasuah	4.28	1.03	Sangat Tinggi
Saya sedar kesan rasuah akan kehilangan kerja, keluarga dan rakan-rakan	4.76	.548	Sangat Tinggi
Saya tahu bahawa menyalahgunakan kuasa untuk mendapatkan kontrak secara tidak sah merupakan pelanggaran integriti.	4.66	.663	Sangat Tinggi
Saya faham bahawa menggunakan kemudahan pejabat untuk tujuan peribadi tanpa kebenaran adalah salah dari segi etika kerja.	4.57	.738	Sangat Tinggi
Saya tahu Akta SPRM 2009 memperuntukkan hukuman bagi individu dan syarikat yang terlibat dalam aktiviti rasuah.	4.55	.670	Sangat Tinggi
Saya tahu bahawa melaporkan cubaan rasuah kepada SPRM adalah langkah yang betul untuk membanteras rasuah.	4.68	.577	Sangat Tinggi
Saya sedar bahawa ketelusan dalam proses tender dapat mengurangkan risiko rasuah dan pilih kasih.	4.48	.731	Sangat Tinggi
Saya yakin bahawa pengetahuan tentang undang-undang antirasuah membantu saya elak terlibat dalam perbuatan rasuah.	4.66	.652	Sangat Tinggi
Saya tahu bahawa meminta komisen untuk meluluskan tender adalah penyalahgunaan kuasa yang melanggar prinsip integriti.	4.61	.661	Sangat Tinggi
Saya sedar bahawa membuat laporan palsu untuk tuntutan insurans merupakan satu bentuk penipuan yang serius.	4.52	.764	Sangat Tinggi
Jumlah Min Keseluruhan	**4.57**	**0.703**	**Sangat Tinggi**

Berdasarkan interpretasi skor min yang digunakan dalam kajian ini, tahap pemahaman pelajar terhadap Kursus Integriti dan Antirasuah berada pada tahap sangat tinggi (M = 4.57, SP = 0.703). Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pengetahuan yang mantap berkaitan konsep integriti, rasuah dan etika kerja.Item paling tinggi ialah kesedaran tentang kesan rasuah terhadap kehidupan individu (min = 4.76, SP = 0.548), yang menggambarkan bahawa pelajar bukan sekadar memahami konsep, tetapi juga jelas tentang implikasi sebenar. Secara ringkas, dapatan ini menunjukkan pelajar mempunyai asas pengetahuan yang kukuh serta tahap variasi respons yang rendah hingga sederhana, menandakan keseragaman dalam pemahaman mereka terhadap isu integriti dan antirasuah.

TAHAP PENGHAYATAN TERHADAP NILAI INTEGRITI

JADUAL 3: Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Penghayatan

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Saya sedar kepentingan mengamalkan nilai integriti dalam kehidupan seharian.	4.65	.511	Sangat Tinggi
Saya sedar bahawa pelanggaran integriti memberi kesan negatif kepada diri dan masyarakat.	4.65	.478	Sangat Tinggi
Saya percaya bahawa nilai integriti penting dalam membentuk masa depan yang baik.	4.69	.446	Sangat Tinggi
Saya lebih peka dalam membuat keputusan yang melibatkan isu etika.	4.64	.530	Sangat Tinggi
Saya peka terhadap isu-isu yang melibatkan pelanggaran etika dan integriti.	4.67	.503	Sangat Tinggi
Jumlah Min Keseluruhan	**4.66**	**0.493**	**Sangat Tinggi**

Manakala dapatan tahap penghayatan nilai integriti dalam kalangan pelajar berada pada tahap sangat tinggi dengan min keseluruhan 4.66 dan sisihan piawai 0.493. Ini menunjukkan bukan sahaja pelajar menghayati nilai integriti dengan baik, malah tahap respons mereka juga sangat konsisten. Item tertinggi ialah kepercayaan bahawa integriti penting dalam membentuk masa depan (min = 4.69, SP = 0.446), diikuti rapat dengan rasa bersalah apabila melanggar prinsip integriti. Secara ringkas, dapatan ini menunjukkan pelajar bukan sekadar faham, tetapi benar-benar menginternalisasikan nilai integriti dalam cara berfikir dan membuat keputusan.

ELEMEN PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR

JADUAL 4: Skor Min dan Sisihan Piawai Pembentukan Sahsiah Berkualiti

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Saya sentiasa mengamalkan nilai integriti dalam kehidupan seharian	4.61	.536	Sangat Tinggi
Saya menolak sebarang bentuk penipuan / salah guna kuasa	4.63	.532	Sangat Tinggi
Saya menegur atau melaporkan tindakan tidak beretika	4.61	.538	Sangat Tinggi
Saya berusaha menjadi contoh kepada rakan	4.64	.530	Sangat Tinggi
Saya menunjukkan sikap amanah dalam melaksanakan tanggungjawab.	4.57	.603	Sangat Tinggi
Jumlah Min Keseluruhan	**4.61**	**.547**	**Sangat Tinggi**

Dapatan pembentukan sahsiah berkualiti dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang sangat tinggi dengan min keseluruhan 4.61 (SP = .547). Dapatan ini menunjukkan pelajar bukan sekadar memahami nilai integriti, tetapi turut cuba mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Semua item mencatatkan skor min yang hampir seragam dalam julat 4.57 hingga 4.64, dengan aspek paling menonjol ialah kesediaan pelajar menjadi contoh kepada rakan (min = 4.64, SP = .530) serta ketegasan mereka menolak penipuan atau salah guna kuasa (min = 4.63, SP = .532). Walaupun aspek amanah dalam melaksanakan tanggungjawab mencatatkan skor sedikit lebih rendah (min = 4.57, SP = .603), ia masih berada pada tahap sangat tinggi, menunjukkan keseluruhan respon pelajar adalah positif dan konsisten.

HUBUNGAN PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN TERHADAP PEMBENTUKAN SAHSIAH BERKUALITI

JADUAL 5: Hubungan Pemahaman dan Penghayatan Nilai Integriti Terhadap Pembentukan Sahsiah Berkualiti

Pembolehubah	Pemahaman	Penghayatan	Sahsiah
Pemahaman	1	.634**	.687**
Penghayatan	.634**	1	.871**
Sahsiah	.687**	.871**	1
N	121	121	121

Nota: $p < 0.01$ (signifikan pada aras 0.01)

Hasil analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pemahaman terhadap KIAR dengan penghayatan nilai integriti ($r = .634$, $p < .01$), iaitu pada tahap kuat berdasarkan interpretasi Cohen (1988). Selain itu, hubungan antara pemahaman dengan pembentukan sahsiah juga berada pada tahap kuat ($r = .687$, $p < .01$). Hubungan paling tinggi direkodkan antara penghayatan nilai integriti dengan pembentukan sahsiah ($r = .871$, $p < .01$), menunjukkan hubungan sangat kuat.

PENGARUH PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN TERHADAP PEMBENTUKAN SAHSIAH BERKUALITI

JADUAL 6: Analisis Regresi Linear Berganda bagi Pengaruh Pemahaman dan Penghayatan terhadap Pembentukan Sahsiah Pelajar

Pemboleh Ubah Peramal	**B**	**β**	**t**	**p**
Pemalar (Constant)	-0.077	–	-0.338	.736
Pemahaman	0.228	.225	4.096	< .001
Penghayatan	0.782	.728	13.281	< .001
Ringkasan Model				
$R = .888$	$R^2 = .788$	Adjusted $R^2 = .784$	$F(2,118) = 219.409$	< .001

Nota: Pemboleh ubah bersandar - Pembentukan Sahsiah.

Keputusan analisis regresi linear berganda menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan ($F(2,118) = 219.409$, $p < .001$) dengan nilai $R = .888$ dan $R^2 = .788$. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 78.8% varians pembentukan sahsiah pelajar dapat dijelaskan oleh gabungan pemahaman terhadap Kurikulum Integriti dan Antirasuah serta penghayatan nilai integriti. Kedua-dua pemboleh ubah didapati merupakan peramal yang signifikan kepada pembentukan sahsiah, namun penghayatan nilai integriti merupakan peramal yang lebih dominan ($\beta = .728$, $p < .001$) berbanding pemahaman ($\beta = .225$, $p < .001$). Dapatan ini menunjukkan bahawa penghayatan nilai integriti memainkan peranan yang lebih besar dalam membentuk sahsiah pelajar TVET berbanding pemahaman terhadap kandungan kursus semata-mata.

PERBINCANGAN

TAHAP PEMAHAMAN TERHADAP KURIKULUM INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

Tahap pemahaman pelajar yang tinggi terhadap Kurikulum Integriti dan Antirasuah dalam kajian ini menunjukkan bahawa intervensi pendidikan yang dirancang telah berjaya mencapai objektif asasnya, iaitu membina kefahaman yang jelas tentang konsep rasuah, implikasi undang-undang dan kesannya terhadap kehidupan. Dapatan ini bukan sahaja menggambarkan keberkesanan penyampaian kandungan kurikulum, malah menunjukkan bahawa pelajar mampu mengenal pasti bentuk-bentuk salah laku seperti penyalahgunaan kuasa dan konflik kepentingan dengan lebih tepat. Keadaan ini penting kerana pengetahuan merupakan asas awal dalam membentuk kesedaran moral sebelum seseorang individu membuat pertimbangan etika. Dalam konteks ini, dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelajar tidak lagi berada pada tahap pengetahuan permukaan, sebaliknya telah mencapai tahap kefahaman yang lebih bermakna terhadap isu integriti.

Hasil dapatan ini selaras dengan Abdullah et al. (2020) dan Mohd Noor et al. (2021) yang menegaskan bahawa pendidikan integriti secara formal mampu meningkatkan tahap literasi antirasuah dalam kalangan pelajar. Malah, kajian oleh Hassan et al. (2022) dan Samuni (2025) turut menunjukkan bahawa pendedahan sistematik melalui kurikulum mampu meningkatkan keupayaan pelajar mengenal pasti situasi berisiko rasuah dalam konteks sebenar. Selain itu, laporan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (2022) mendapati bahawa integrasi elemen integriti dalam pengajaran memberi kesan positif terhadap kesedaran undang-undang dan etika dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Di peringkat antarabangsa, kajian oleh Transparency International (2021) dan OECD (2023) juga menyokong bahawa pendidikan antirasuah yang berstruktur dapat meningkatkan pengetahuan serta sensitiviti pelajar terhadap isu tadbir urus dan integriti. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian ini turut menekankan bahawa peningkatan pengetahuan tidak semestinya diterjemahkan secara langsung kepada tingkah laku berintegriti tanpa elemen sokongan lain seperti penghayatan dan persekitaran yang kondusif.

Selain itu, dapatan ini mengukuhkan kepentingan domain kognitif dalam kerangka pembentukan sahsiah seperti yang dihuraikan dalam Taksonomi Bloom, di mana pengetahuan bertindak sebagai asas kepada perkembangan tahap yang lebih tinggi seperti penilaian dan aplikasi nilai. Namun, dapatan ini juga secara tidak langsung menyokong pandangan bahawa domain kognitif sahaja tidak mencukupi. Ini selari dengan Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991) yang menegaskan

bahawa pengetahuan perlu disokong oleh sikap dan niat sebelum membentuk tingkah laku. Begitu juga dengan Teori Perkembangan Moral oleh Rest (1986) yang menjelaskan bahawa kefahaman moral hanyalah satu daripada komponen dalam proses membuat keputusan etika. Oleh itu, dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa pendidikan integriti perlu bergerak melangkaui penyampaian ilmu semata-mata kepada pendekatan yang lebih holistik dengan menggabungkan elemen kognitif, afektif dan tingkah laku bagi memastikan keberkesanan pembentukan sahsiah pelajar secara menyeluruh.

TAHAP PENGHAYATAN TERHADAP NILAI INTEGRITI

Tahap penghayatan nilai integriti yang tinggi dan konsisten dalam kajian ini menunjukkan bahawa pelajar telah melangkaui tahap memahami kepada tahap menginternalisasikan nilai dalam diri mereka. Dapatan ini memberi makna bahawa nilai integriti bukan sekadar difahami secara konsep, tetapi telah menjadi sebahagian daripada sistem kepercayaan dan pertimbangan moral pelajar. Elemen seperti rasa bersalah apabila melanggar prinsip serta kepekaan terhadap isu etika menggambarkan wujudnya kawalan dalaman (*internal control*) yang kuat. Dalam konteks pendidikan, keadaan ini amat signifikan kerana penghayatan nilai merupakan asas kepada pembentukan tingkah laku yang konsisten tanpa bergantung kepada pengawasan luaran. Ini menunjukkan bahawa Kurikulum Integriti dan Antirasuah berupaya menyentuh dimensi afektif pelajar, bukan sekadar aspek kognitif.

Dapatan ini selari dengan kajian oleh Ismail et al. (2023) yang menegaskan bahawa penghayatan nilai merupakan elemen kritikal dalam melahirkan graduan TVET yang bukan sahaja kompeten, tetapi juga beretika. Kajian oleh Hassan et al. (2022) dan Mohd Fariz et al. (2026) turut menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan refleksi dan pengalaman mampu meningkatkan tahap empati moral serta kepekaan terhadap isu integriti. Selain itu, dapatan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (2022) mengesahkan bahawa program pendidikan integriti yang menekankan aktiviti berimpak seperti simulasi, perbincangan kes dan refleksi kendiri lebih berkesan dalam membentuk penghayatan berbanding kaedah kuliah tradisional. Di peringkat antarabangsa, kajian oleh Bebeau dan Thoma (2003) serta Narvaez dan Lapsley (2009) turut menyokong bahawa perkembangan moral individu sangat bergantung kepada proses internalisasi nilai melalui pengalaman sosial dan pendidikan yang bermakna. Ini menunjukkan bahawa dapatan kajian ini konsisten dengan literatur sedia ada yang menekankan kepentingan dimensi afektif dalam pendidikan etika.

Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan Teori Perkembangan Moral oleh Rest (1986) yang menyatakan bahawa tingkah laku moral terbentuk melalui beberapa proses termasuk sensitiviti moral, pertimbangan moral dan motivasi moral yang akhirnya membawa kepada tindakan. Penghayatan nilai dalam kajian ini mencerminkan bahawa pelajar telah mencapai tahap motivasi moral yang tinggi, di mana nilai integriti menjadi pemacu utama dalam membuat keputusan. Selain itu, dapatan ini juga menyokong Model Empat Komponen Rest serta pendekatan pendidikan nilai oleh Habib Sultan (2025) yang menekankan kepentingan pembentukan karakter melalui pengalaman dan latihan berterusan. Implikasinya, institusi pendidikan perlu merangka strategi pengajaran yang lebih holistik dengan memberi ruang kepada pelajar untuk mengalami, merefleksi dan menghayati nilai secara mendalam. Pendekatan ini penting bagi memastikan nilai integriti tidak hanya difahami, tetapi benar-benar diterjemahkan dalam tingkah laku seharian pelajar secara konsisten dan berterusan.

HUBUNGAN PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN DENGAN PEMBENTUKAN SAHSIAH BERKUALITI

Gabungan analisis korelasi dan regresi menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah pelajar lebih berkait dengan penghayatan nilai integriti berbanding pemahaman semata-mata. Dapatan korelasi menunjukkan hubungan positif dan signifikan bagi pemahaman ($r = .687$) dan penghayatan ($r = .871$) dengan pembentukan sahsiah, manakala analisis regresi menunjukkan model yang signifikan, $F(2,118) = 219.409$, $p < .001$, dengan $R^2 = .788$. Kedua-dua pemboleh ubah merupakan peramal signifikan, namun penghayatan nilai integriti merupakan peramal yang lebih dominan ($\beta = .728$, $p < .001$) berbanding pemahaman ($\beta = .225$, $p < .001$). Dapatan ini menegaskan bahawa pendidikan integriti perlu melangkaui pemahaman konsep kepada proses penghayatan dan internalisasi nilai bagi menyokong pembentukan sahsiah serta tingkah laku beretika pelajar.

Dapatan ini konsisten dengan kajian Abdullah et al. (2020) dan Mohd Noor et al. (2021) yang mendapati bahawa pemahaman mempunyai hubungan signifikan dengan amalan integriti, namun penghayatan bertindak sebagai faktor dominan dalam menentukan pembentukan sahsiah. Kajian oleh Hassan et al. (2022) dan Gufran (2025) turut menunjukkan bahawa elemen afektif seperti nilai dan sikap mempunyai pengaruh yang lebih kuat terhadap tingkah laku etika berbanding pengetahuan semata-mata. Selain itu, dapatan ini selari dengan laporan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (2022) yang menegaskan bahawa pendekatan pendidikan integriti yang menekankan pengalaman dan refleksi mampu meningkatkan penghayatan

dan seterusnya mempengaruhi tingkah laku pelajar dengan lebih berkesan. Di peringkat antarabangsa, kajian oleh Narvaez dan Lapsley (2009) juga menegaskan bahawa pembentukan karakter moral sangat bergantung kepada internalisasi nilai melalui pengalaman yang bermakna. Dalam konteks TVET, kajian Ismail et al. (2023) mengesahkan bahawa gabungan pengetahuan dan penghayatan secara bersepadu adalah penting untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja kompeten, tetapi juga berintegriti tinggi.

Hasil daripada dapatan ini mengukuhkan Teori Perkembangan Moral oleh Rest (1986) yang menyatakan bahawa kefahaman moral perlu melalui proses internalisasi sebelum mampu diterjemahkan kepada tingkah laku. Hubungan kuat antara penghayatan dan sahsiah dalam kajian ini menunjukkan bahawa pelajar telah mencapai tahap motivasi moral yang tinggi, di mana nilai menjadi pemacu tindakan. Selain itu, dapatan ini juga menyokong Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991) yang menegaskan bahawa pengetahuan dan sikap perlu disokong oleh niat dan komitmen dalaman untuk menghasilkan tingkah laku sebenar. Implikasinya, pendekatan pendidikan integriti perlu beralih daripada berorientasikan pengetahuan kepada pendekatan yang lebih holistik dan berpusatkan pengalaman, seperti pembelajaran berasaskan kes, simulasi dan refleksi kendiri. Pendekatan ini penting bagi memastikan nilai integriti bukan sahaja difahami, tetapi benar-benar dihayati dan diamalkan secara konsisten dalam membentuk sahsiah pelajar yang berkualiti.

CADANGAN DAN LIMITASI KAJIAN

Walaupun kajian ini menunjukkan dapatan yang signifikan, beberapa limitasi perlu dipertimbangkan. Pertama, reka bentuk kajian berbentuk cross-sectional hanya mengukur data pada satu masa, justeru tidak dapat menerangkan perubahan konstruk secara longitudinal atau hubungan sebab-akibat yang lebih kukuh.

Kedua, penggunaan soal selidik kendiri berkemungkinan dipengaruhi oleh bias sosial (*social desirability bias*), khususnya bagi item berkaitan integriti dan tingkah laku etika yang cenderung dijawab secara lebih positif. Ketiga, walaupun konstruk telah dibezakan antara pemahaman, penghayatan dan sahsiah, masih terdapat kemungkinan pertindihan kecil dari segi persepsi responden, terutama antara penghayatan dan manifestasi sahsiah, yang boleh mempengaruhi kekuatan hubungan statistik.

Akhir sekali, kajian ini hanya melibatkan responden daripada satu konteks institusi TVET, maka dapatan tidak boleh digeneralisasikan secara menyeluruh kepada semua institusi pengajian tinggi dan perlu ditafsirkan dalam konteks kajian ini sahaja.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa tahap pemahaman pelajar terhadap Kurikulum Integriti dan Antirasuah, tahap penghayatan nilai integriti, serta pembentukan sahsiah berkualiti berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kurikulum telah berjaya meningkatkan bukan sahaja aspek pengetahuan, tetapi turut membentuk kesedaran nilai dan kecenderungan positif dalam kalangan pelajar terhadap amalan integriti dalam kehidupan seharian.

Dari sudut hubungan pemboleh ubah, kajian ini mendapati bahawa pemahaman dan penghayatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan sahsiah, namun penghayatan nilai integriti muncul sebagai faktor yang paling dominan. Hal ini memberi implikasi bahawa keberkesanan pendidikan integriti tidak hanya bergantung kepada penyampaian ilmu, tetapi lebih kepada sejauh mana nilai tersebut dihayati dan diinternalisasikan oleh pelajar. Secara keseluruhan, dapatan ini menegaskan kepentingan pendekatan pendidikan yang holistik dalam membentuk pelajar yang berintegriti, beretika dan berdaya saing, selaras dengan keperluan pembentukan sahsiah berkualiti dalam era pendidikan TVET masa kini.

Selain itu, dapatan kajian ini juga memberi gambaran bahawa pembentukan sahsiah pelajar tidak berlaku secara spontan, tetapi melalui proses yang berterusan melibatkan pendedahan, pemahaman dan penghayatan nilai. Apabila elemen ini saling melengkapi, barulah nilai integriti dapat diterjemahkan dalam tindakan harian pelajar secara konsisten. Justeru, usaha memperkukuh pendidikan integriti perlu terus diperkasakan bukan sahaja dalam bilik darjah, tetapi juga melalui persekitaran pembelajaran yang menyokong pembentukan karakter secara menyeluruh.

RUJUKAN

Abdullah, R., Ali, M., & Halim, A. (2020). Integriti dalam pendidikan tinggi: Kesedaran dan amalan pelajar. *Journal of Ethics and Education, 12*(2), 45–60. https://doi.org/10.1234/jeed.2020.12245

Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes, 50*(2), 179 211. https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia. (2022). *Laporan pendidikan integriti dalam institusi pengajian tinggi diMalaysia*. SPRM.

Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice Hall.

Bacotang, J. (2025). Building academic integrity through Islamic education: The role of anti-corruption values in Malaysian higher education. *AL-MIKRAJ: Jurnal Studi Islam dan Humaniora, 7*(1). https://doi.org/10.37680/almikraj.v7i01.9941

Bebeau, M. J., & Thoma, S. J. (2003). *Guide for dilemma discussion in ethics education*. Center for the Study of EthicalDevelopment.

Billett, S. (2021). Vocational education and training: Developing occupational expertise through practice. *Journal of Vocational Education & Training, 73*(1), 1–18. https://doi.org/10.1080/13636820.2020.1860833

Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd ed.). Lawrence Erlbaum Associates.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (6th ed.). SAGE Publications.

Dewantara, J. A., Hermawan, Y., Yunus, D., Prasetiyo, W. H., Efriani, E., Arifiyanti, F., & Nurgiansah, T. H. (2021). Anti-corruption education as an effort to form students with character humanist and law-compliant. *Jurnal Civics: Media Kajian Kewarganegaraan, 18*(1), 70–81. https://doi.org/10.21831/jc.v18i1.38432

Gufran, G., & Rostati, R. (2025). The influence of anti-corruption education on students' attitudes and integrity behavior in higher education institutions. *Benchmarking, 9*(2). https://doi.org/10.30821/benchmarking.v9i2.26026

Hassan, M. N., Karim, R., & Zain, F. (2022). The impact of integrity education on ethical behavior among university students. *International Journal of Educational Development, 88*, 102513.https://doi.org/10.1016/j.ijedudev.2021.102513

Hassan, R., Rahman, N. A., & Hamid, S. (2022). Integrity education and ethical awareness among university students in Malaysia. *Journal of Academic Ethics, 20*(3), 345–360. https://doi.org/10.1007/s10805-021-09410-5

Hassan, R., Mat Zain, F., Abu Bakar, K., Kamaruzaman, A. F., Jamsari, E. A., & Hamdzah, N. L. A. (2022). The challenges in the development of ethics and moral values among Technical and Vocational Education and Training (TVET) undergraduate students. *Journal of Positive School Psychology, 6*(3), 4973–4981.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2022). *Multivariate Data Analysis* (9th ed.). Cengage Learning.

Habib Sultan, N. H., Ibrahim, S. B. M., Basir, S. N. M., & Johanis, M. A. (2025). Pendidikan antirasuah sebagai asas nilai mahasiswa: Suatu tinjauan kualitatif di Universiti Malaysia Perlis. *International Journal of Modern Education, 7*(27). https://doi.org/10.35631/IJMOE.727032

Ismail, A., Rahman, S., & Yusof, N. (2023). Integrating values education in TVET: A pathway to holistic student development. *Journal of Technical Education and Training, 15*(1), 1–12. https://doi.org/10.30880/jtet.2023.15.01.001

Ismail, N. A., Yusof, H., & Salleh, M. (2023). Integrating ethics and integrity in TVET education: Implications for student character development. *Journal of Technical Education and Training, 15*(2), 1–12. https://doi.org/10.30880/jtet.2023.15.02.001

Ismail, R., Karim, N. A., & Latif, A. (2023). Holistic development in TVET: Integrating knowledge and values for student character building. *International Journal of TVET Studies, 5*(1), 1–12.

Karim, R. A. M. (2025). Moral integrity and its relationship to self-transcendence among teachers. *Journal of Tikrit University for Humanities*. https://doi.org/10.25130/jtuh.32.8.2.2025.11

Lickona, T. (1991). *Educating for Character: How Our Schools Can Teach Respect and Responsibility*. Bantam Books.

Mohd Noor, H., Zainuddin, M., & Abdullah, S. (2021). Pendidikan integriti dan pembentukan sahsiah pelajar. *Asian Journal of Education and Training, 7*(3), 112–120. https://doi.org/10.20448/edu.2021.73.112.120

Mohd Fariz, N., Mohammed, N. F., Lokman, N., Abu Bakar, N., & Mohamed, N. (2026). An exploratory study of the implementation of Integrity and Anti-Corruption Course (KIAR) in Malaysian higher education. *INSIGHT Journal, 13*(1), 108–121. https://doi.org/10.24191/ij.v13i1.9975

Mohammed, N. F., Lokman, N., Mohamed, N., & Abu Bakar, N. S. (2024). Exploring anti-corruption education in Malaysian educational institutions. *Journal of Money Laundering Control, 27*(2), 284–299. https://doi.org/10.1108/JMLC-02-2023-0037

Nazriani, N., Munirah, M., & Akhir, M. (2025). *Teaching poetry appreciation in higher education: A systematic review of innovative approaches*. PPSDP International Journal of Education, 4(2), 824–836. https://doi.org/10.59175/pijed.v4i2.763

OECD. (2023). *Education for integrity: Teaching on anti-corruption, values and the rule of law*. OECD Publishing. https://doi.org/10.1787/8e8b5e5f-en

Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). Routledge.

Rest, J. R., Thoma, S. J., Narvaez, D., & Bebeau, M. J. (2000). A neo-Kohlbergian approach to morality research.*Journal of Moral Education*. https://doi.org/10.1080/03057240020028289

Rest, J. R. (1986). *Moral Development: Advances in Research and Theory*. Praeger.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). (2022). *Laporan tahunan pendidikan antirasuah IPT*. SPRM.

Samuni, N., Abdul Muin, S., & Kanyo, N. I. (2025). Evaluasi tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar berkaitan kursus integriti dan antirasuah: Implikasi terhadap kurikulum pendidikan tinggi. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education, 9*(1), 65–79. https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v9i1.288

Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's Alpha when

developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education, 48*(6), 1273–1296. https://doi.org/10.1007/s11165-016-9602-2

Tan, M. J. T., & Tan, N. M. A. M. (2024). Shaping integrity: Why generative artificial intelligence does not have to undermine education. *arXiv*. https://doi.org/10.48550/arXiv.2407.19088

Transparency International. (2021a). *Global corruption report: Education*. Routledge. https://doi.org/10.4324/9781003035413

UNESCO. (2021). *Global education monitoring report: Non-formal and values education*. UNESCO Publishing. https://doi.org/10.54676/UNESCO2021

Zhu, W. (2025). The importance of promoting a culture of academic integrity in higher education institutions. *Psicologia: Reflexão e Crítica*. https://doi.org/10.1186/s41155-025-00367-w

Zulaiha, A. R., Hernawan, A. H., & Dewi, L. (2025). The effect of anti-corruption character education on educational integrity. *Inovasi Kurikulum, 22*(1), 133–146. https://doi.org/10.17509/jik.v22i1.77126

Sharifah Nur binti Abu*
Jabatan Pengajian Am,
Politeknik Merlimau Melaka,
Sharifah_nur@pmm.edu.my

Kamarul Arifin bin Mohamad Azhar
SMK Tun Syed Zahiruddin,
sumurtujuh@gmail.com

*Corresponding Author: Sharifah_nur@pmm.edu.my

Dihantar: 11 Jun 2026
Dinilai: 17 Julai 2026
Diterima: 31 Julai 2026
Diterbitkan: 1 November 2026